



## PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 16/2021

### PEMBATALAN MAJLIS-MAJLIS RASMI UNIVERSITI YANG MELIBATKAN AKTIVITI BERKUMPUL DAN BERHIMPUN

1. Pekeliling ini bertujuan memaklumkan mengenai Pembatalan Majlis-majlis Rasmi Universiti yang Melibatkan Aktiviti Berkumpul dan Berhimpun bermula 12 April 2021 sehingga dimaklumkan kelak.
2. Pekeliling ini adalah selaras dengan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Keselamatan Negeri (JKKN) Khas Negeri Kelantan Bil.5/2021 pada 11 April 2021 supaya semua program dan majlis rasmi kerajaan yang melibatkan perhimpunan dan aktiviti berkumpul adalah dibatalkan, melainkan mesyuarat-mesyuarat sahaja.
3. Langkah ini diambil sebagai salah satu usaha bagi membendung penularan COVID-19 susulan peningkatan kes mendadak di seluruh Negeri Kelantan.
4. Sehubungan itu, penganjuran program-program yang melibatkan aktiviti berkumpul dan berhimpun secara fizikal yang telah dirancang pelaksanaannya oleh Universiti sebelum ini perlulah disemak semula atau dijalankan secara atas talian.
5. Semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) di UMK dikehendaki mematuhi arahan dan prosedur operasi standard (SOP) dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Universiti dan Kerajaan serta sentiasa mengamalkan norma baharu bagi bersama-sama membendung penularan COVID-19.

Sekian, terima kasih.

**"RAJA BERDAULAT, RAKYAT MUAFAKAT, NEGERI BERKAT"**  
**"PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19"**  
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,



MAZULA BINTI SABUDIN  
Pendaftar

15 APRIL 2021

- s.k. - YBhg. Dato' Naib Canselor  
- Timbalan-Timbalan Naib Canselor  
- Semua Ketua Pusat Tanggungjawab